

Kanser hati sukar dikesan

➔ Keluarga pesakit hepatitis kronik dinasihatkan jalani pemeriksaan

Oleh Osman Lisut
manlee@bh.com.my

Walaupun kanser hati sukar dikesan pada peringkat permulaan kecuali mereka yang berisiko menjalani ujian saringan secara menyeluruh, tanda awal boleh dilihat menerusi kesan muntah darah, sakti perut dan sakit bahagian abdomen.

Tanda lain kanser yang dikenali sebagai hepatoma ini termasuk kekuningan pada mata dan kulit (jaundis), manakala gejala ketara tahap kritikal, pesakit koma disebabkan kegagalan fungsi hati atau *hepatic encephalopathy*.

Perunding Pembedahan Am, Hospital Columbia Asia Malaysia, Dr Khairul Izan Mohd Ghani @ Mamat, berkata muntah darah disebabkan oleh pendarahan varices pada saluran makan (*Oesophagus*).

Katanya, keadaan itu juga berpunca daripada sirosis atau penyebaran hepatoma ke dalam saluran darah.

Akibat pendarahan dalaman hepatoma pesakit akan mengalami sakit perut, pada masa sama tidak selesa pada bahagian abdomen (rusuk kanan).

"Kesan kesakitan disebabkan berlakunya pembesaran hepatoma dan memberi tekanan kepada struktur atau organ berdekatan.

"Manakala jaundis pada mata dan kulit akibat tahap bilirubin tinggi hingga menyebabkan pesakit koma disebabkan organ hati gagal berfungsi," katanya kepada BH.

Jalani ujian darah

Dr Khairul Izan berkata, peringkat awalnya kanser hati sukar dikesan dan amat penting bagi mereka yang berisiko menjalani ujian saringan terperinci bagi mengenal pasti jika ada tanda penyakit.

Katanya, simptom hanya dapat dirasai apabila kanser hepatoma sudah membesar.

"Mereka berisiko (penghidap hepatitis kronik dan sirosis hati daripada punca lain) dinasihatkan menjalani ujian saringan dengan ujian ultra bunyi dan ujian darah alpha fetoprotein (tumour marker).

"Seterusnya mereka dinasihatkan menjalani saringan CT scan atau Pengimbas Imej Magnetik (MRI) bertujuan sebagai pengesahan diagnosis hepatoma dan dijadikan rujukan perubatan kemudian," katanya.



Peringkat awalnya kanser hati sukar dikesan dan amat penting bagi mereka yang berisiko menjalani ujian saringan terperinci bagi mengenal pasti jika ada tanda penyakit"

Dr Khairul Izan Mohd Ghani @ Mamat
Perunding Pembedahan Am,
Hospital Columbia Asia
Malaysia



Buang sebahagian hati

Dr Khairul Izan berkata, hepatoma boleh sembuh jika mendapat rawatan awal, namun sekiranya lewat, hanya rawatan paliatif sahaja diberikan bagi meringankan sakit.

Rawatan lain termasuk menjalani prosedur pembedahan hepatektomi, iaitu membuang sebahagian hati yang diserang sel kanser.

Kaedah ini mempunyai kadar sembuh yang tinggi bagi pesakit hepatoma, bergantung pada peringkat hepatoma dan keadaan keseluruhan pesakit serta kepakaran yang ada.

"Pemindahan hati perlu dipertimbangkan sekiranya dikesan ada tanda kanser hati berukuran kurang lima sentimeter.

"Radiofrequency ablation, iaitu penggunaan haba secara radio frekuensi terus kepada sel kanser di hati yang dijalankan pakar radiologi. Begitu juga suntikan ethanol secara terus kepada sel kanser yang dijalankan pakar radiologi.

"Suntikan kemoterapi kepada sel tumor melalui salur darah pesakit oleh pakar radiologi atau dikenali juga dengan istilah TACE (Transarterial chemoembolisation)," katanya.

Beliau berkata, pencegahan lebih baik daripada merawat, hepatoma sering dikaitkan dengan pengambilan alkohol.

"Justeru, ahli keluarga pesakit Hepatitis B atau C kronik, perlu menjalani saringan untuk pesakit Hepatitis B atau C itu," katanya.

Info

Kanser hati atau hepatoma

➔ **Penyebab kematian**

250,000 hingga sejuta setahun.

➔ **Hepatoma menduduki** tempat ketiga bagi kematian berpunca daripada kanser.

➔ **Sukar dikesan**, pesakit hanya mengetahui selepas kanser berada pada tahap kritikal

➔ **Penyakit kuning atau jaundis** bagi orang dewasa antara simptom nyata

➔ **Pesakit hepatoma** dikesan berpunca daripada jangkitan Hepatitis B kronik.

➔ **China, Taiwan dan Hong Kong** merekodkan kes hepatoma tertinggi di Asia.

➔ **Malaysia, Indonesia dan Thailand** kawasan pertengahan penghidap hepatoma.



Jaundis atau kuning pada mata dan kulit serta pengumpulan cecair akibat sirosis di bahagian abdomen merupakan antara kesan luaran penghidap hepatoma.

